

Malaysia miliki daya tarikan destinasi pelaburan - PM

Oleh **MOHD. FADHLI**
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kehadiran beberapa pelabur terkemuka yang bertemu dengan Perdana Menteri membuktikan keyakinan syarikat luar terhadap Kerajaan Perpaduan dan prospek ekonomi negara.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu turut membuktikan bahawa negara mempunyai daya tarikan sebagai destinasi pelaburan.

Menurut beliau, kerajaan akan terus menyediakan persekitaran mesra pelabur bagi memupuk inovasi, melindungi harta intelek dan menggalak kerjasama antara sektor awam dan swasta.

“Perjumpaan seumpama ini membuka peluang untuk berkongsi pandangan serta meneroka kerjasama untuk mencapai matlamat ekonomi negara.

“Perbincangan turut menyentuh mengenai penerokaan pelaburan dalam sektor utama seperti teknologi dan inovasi, tenaga yang boleh diperbaharui, pembangunan infrastruktur, pelancongan serta hospitaliti dan pembuatan.

“Saya turut membuka ruang untuk para pelabur mengenai pasti peluang pelaburan sejajar dengan matlamat strategik di samping memenuhi keperluan masyarakat,” katanya dalam kenyataan di Facebooknya semalam.



ANWAR Ibrahim bertemu bersama beberapa kumpulan pelabur antarabangsa di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

Terdahulu, Anwar bertemu dengan beberapa pelabur terkemuka peringkat antarabangsa yang mampu meneroka peluang pelaburan strategik merentas sektor ekonomi utama.

Antaranya pertemuan dengan pengasas bersama laman Facebook, Eduardo Saverin dan Ketua Pegawai Eksekutif Bersama B. Capital, Raj Gunguly, Pengasas WM Partners, Alejandro Weinstein dan Pengasas European Venture Funds, Peter Kadas.

Dalam pertemuan berkenaan, kata Perdana Menteri, beliau turut membincangkan usaha-usaha Malaysia memupuk persekitaran bagi menggalak pelaburan langsung asing, memperkemas peraturan dan proses, meningkatkan tatakelola dan memastikan kemapanan jangka panjang.

“Perjumpaan ini menekankan kepentingan tanggungjawab sosial dan pertumbuhan inklusif, dengan komitmen untuk mengutamakan inisi-

atif memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dan menyumbang kepada agenda pembangunan mampan,” katanya.

Kata Anwar lagi, kebijakan ekonomi madani adalah kerangka jelas dan komprehensif bagi memungkinkan sebuah sistem ekonomi negara yang mampan dan terangkum sebagai usaha dan upaya kerajaan dalam meningkatkan tahap kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.